

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PUSAT ARAHAN PENGUAT KUASA KPDN BEROPERASI SEPANJANG CUTI HARI RAYA AIDILFITRI

PUTRAJAYA, 5 APRIL 2024 – Bermula 12 Mac 2024, OPS PANTAU telah dilaksanakan khusus untuk memantau pematuhan aktiviti perniagaan sepanjang bulan Ramadan dan menjelang bulan Syawal. Penguatkuasaan ini dijalankan secara berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, kedai runcit dan aktiviti penjualan secara dalam talian.

Berdasarkan statistik OPS PANTAU 2024 dari 12 Mac 2024 hingga 4 April 2024, sebanyak 38,126 premis telah diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 164 kes telah dihasilkan atas pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan sebanyak RM558,956.63. Sebanyak 1,216 aduan oleh pengguna juga telah diterima dalam tempoh yang sama melibatkan pelbagai kategori aduan. Antara kesalahan yang diambil tindakan meliputi kegagalan meletakkan tanda harga, tidak menggunakan alat timbang yang sah dan menjual barang-barang tiruan.

Pelaksanaan OPS PANTAU digerakkan sepenuhnya melalui Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Bersepadu (IEMS) untuk membolehkan tindakan susulan yang pantas dan berkesan. Bermula bulan Januari 2024, Sistem IEMS telah diguna pakai sepenuhnya di seluruh negara dengan Pembangunan Fasa 2 yang telah menaik taraf sistem sedia ada. Pembangunan Fasa 2 ini melibatkan komponen penambahbaikan kaedah pemeriksaan dan pengkompaunan dengan konsep penguatkuasaan meliputi 5P iaitu Perisikan, Pemeriksaan, Penyiasatan, Pendakwaan dan Pengurusan Ekshibit.

Penaiktarafan sistem ini juga meliputi Modul Kawal Selia Harga dan Bekalan, Harta Intelek, Pengurusan Penguatkuasaan dan Aplikasi Mudah Alih bagi kegunaan operasi Pegawai Penguatkuasa menerusi telefon bimbit, tablet komputer, komputer riba dan pencetak.

Sistem ini diintegrasikan secara terus dan mengikut masa nyata (*real time*) dengan Pusat Arahan Penguat Kuasa (*Enforcement Command Center - ECC*). Sepanjang cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri, ECC akan terus beroperasi seperti biasa dan tidak ditutup bagi memastikan tugas-tugas penguatkuasaan dan pemantauan dapat diteruskan. Fokus utama adalah untuk memastikan keberadaan bekalan barang dan kestabilan harga barangan keperluan sepanjang musim perayaan ini.

ECC KPDN akan beroperasi setiap hari bermula daripada pukul 8.00 pagi sehingga 8.00 malam bagi Ibu Pejabat KPDN Putrajaya, manakala bagi Pejabat KPDN Negeri di seluruh negara waktu operasi adalah bermula daripada pukul 8.00 pagi sehingga 6.00 petang.

ECC KPDN berperanan mengkoordinasikan maklumat, aduan dan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan bersama Pejabat KPDN di seluruh negara bagi memastikan isu-isu berkaitan bekalan barang, harga barangan dan aduan daripada pengguna sepanjang musim perayaan ini dapat diselesaikan dengan segera.

Berdasarkan piagam pelanggan KPDN bagi penyelesaian aduan, penerimaan aduan bagi kategori isu bekalan dan harga barang akan disusuli dengan siasatan dalam tempoh 24 jam. Manakala siasatan bagi kategori aduan-aduan lain, tempoh tindakan susulan yang ditetapkan adalah 14 hari.

Berdasarkan statistik penerimaan aduan berkaitan isu bekalan dan harga barang bagi tahun 2023, sebanyak 914 aduan telah diterima dan disiasat termasuk item barangan minyak masak (334 aduan), gula (229 aduan), telur (149 aduan), ayam (98 aduan), gas petroleum cecair LPG (62 aduan).

KPDN ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar terus mematuhi perundangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya sepanjang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan tegas.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung perkara berkaitan boleh mengemukakan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak KPDN melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp iaitu 019-848 8000 / 019-279 4317;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN dan;
- v. Pusat Arahan Penguat Kuasa KPDN iaitu 03-8882 6245/6088.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###